

Ismail Sabri ucap selamat raikan Good Friday, Easter dan Vishu

April 15, 2022 @ 4:05pm



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan Selamat Menyambut Hari Good Friday dan Easter, kepada Keluarga Malaysia yang beragama Kristian.

Menerusi catatan di Facebook, beliau berkata, Malaysia meraikan kebebasan beragama dan kepelbagaian sebagai sebuah keluarga besar dan saling menghormati antara satu sama lain.

"Inilah Malaysia...sebuah negara yang unik, harmoni dan silang budaya...Umpama selembar benang, dikait, ditenun dan dijalin, akhirnya menjadi kain yang sempurna indahnya...menjadi sebuah Keluarga Malaysia yang sejahtera," katanya.

Penganut Kristian menyambut Good Friday hari ini dan Easter pada 17 April.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengucapkan Selamat Menyambut Perayaan Vishu kepada masyarakat Malayalee di negara ini.

"Semoga perayaan tahun baharu bagi kaum Malayalee ini, membawa kebaikan dan keamanan di samping mengeratkan hubungan sesama Keluarga Malaysia," katanya.

Perayaan itu disambut pada hari ini. – BERNAMA